

UMS kerja keras untuk jadi universiti penyelidikan

Sherell Ann Jeffrey **PE 28/09/2011 2**

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah bekerja keras untuk menjadi sebuah universiti penyelidikan menjelang 2015, kata Naib Canselor Datuk Seri Dr Kamaruzaman Ampon.

“Menjelang 2020, Kementerian Pengajian Tinggi berhasrat menaiktaraf sekurang-kurangnya enam universiti sebagai universiti penyelidikan dan diletakkan setaraf dengan universiti-universiti terkemuka dunia.

“UMS sekarang ini dikategorikan sebagai universiti komprehensif dan belum lagi sebagai universiti penyelidikan walaupun kita bekerja keras untuk menjadi universiti penyelidikan pada tahun 2015,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa majlis mengangkat sumpah 712 pelajar lepas ijazah yang baharu termasuk 7 pelajar asing bagi penggal 2011/2012, di Dewan Resital UMS di sini, Selasa.

“Ini juga sejajar dengan aspirasi kerajaan untuk meningkatkan daya saing negara melalui modal insan berkualiti tinggi yang dilahirkan oleh sistem pendidikan kita sendiri.

“Dalam model baharu ekonomi, tanggungjawab untuk melahirkan modal insan berdaya saing tinggi berserta inovasi dan kesediaan untuk menerokai dan mewujudkan peluang baharu adalah faktor yang menentukan kejayaan dan kesejahteraan negara ini.

“Atas sebab ini, sektor pendidikan Malaysia sentiasa menyokong idea pendidikan berterusan daripada pendidikan awal di sekolah hingga ke

peringkat tertiari dan kemudiannya pendidikan lepas ijazah.

“Bidang pendidikan adalah salah satu pemangkin kritisikal yang boleh membantu mengubah negara ini daripada negara berpendapatan sederhana kepada yang berpendapatan tinggi.

“Antara kriteria untuk menjadi bertaraf dunia sudah tentulah penyelidikan, itulah kenapa pelajar berada di sini untuk membantu kita menjadi antara universiti terkemuka dengan menjalankan penyelidikan yang dikenali di antarabangsa dengan mengeluarkan output yang boleh diinterpretasikan kepada jurnal berkualiti dan sebagainya.

“Kita semakin maju untuk menjadi antara universiti terkemuka di dunia. Malah jika kamu rujuk kepada kedudukan webometrics, ia menunjukkan kita sudah dikategorikan antara tujuh universiti teratas di Malaysia. Ini bukti akan kekuatan yang kita ada. Jika kita lihat kepada era semasa, ekonomi negara sedang beralih menuju ke arah sektor perkhidmatan.

“Saya ingin menggesa pusat bagi pengajian lepas ijazah dapat menawarkan lebih banyak program lepas ijazah yang selari dan relevan dengan keperluan dan trend semasa kuasa pasaran.

“Modal insan boleh mencapai kematangan melalui rancangan, program dan pengalaman yang bermakna, relevan dan amat cermat. Ketua-ketua pegawai pentadbir universiti itu sedar akan pentingnya kualiti akademik dalam menggalakkan kecemerlangan dalam pendidikan,” katanya.